

Amalan kualiti MOOC Malaysia

ABSTRAK

Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) untuk Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA & IPTS) telah dilancarkan pada 16 April 2011 oleh YAB Menteri Pengajian Tinggi. Dasar ini dibangunkan khusus untuk menyokong Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) untuk menyediakan satu kerangka e-Pembelajaran berkualiti bertujuan membangunkan modal insan bertaraf dunia melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. DePAN mempunyai lima tunggak iaitu Infrastruktur, Struktur Organisasi, Kurikulum dan e-Kandungan, Perkembangan Profesional dan Pembudayaan. Setiap tunggak ini pula mempunyai bidang fokus dan juga aktiviti yang perlu dilaksanakan mengikut tiga fasa pelaksanaan, iaitu Fasa Awal (2011-2012), Fasa Pelaksanaan (2013 - 2014) dan Fasa Matang (2015).